


Latihan Khas MAGDAS (Special Training on MAGDAS), Universiti Kyushu

Artikel oleh: Mohamad Zul Hilmey Makmaud

Pada 10 - 20 November 2012, International Center for Space Weather Science and Education (ICSWSE) yang berpusat di Universiti Kyushu, Jepun telah menjemput En. Mohamad Zul Hilmey Makmaud bagi menghadiri *The Special MAGDAS Training Series-1*. Tujuan program ini adalah untuk melatih tenaga pakar di sesebuah institut atau negara yang terlibat dalam projek rangkaian 'Magnetic Data Acquisition System/Circum-Pan Pacific' (MAGDAS/CPMN). Seramai 4 orang peserta yang hadir dalam latihan siri-1 ini iaitu 2 orang wakil negara Filipina, seorang dari Australia, dan seorang lagi dari Malaysia. Segala bajet kewangan dan perjalanan ditanggung oleh pihak *Japanese Society for the Promotion of Science (JSPS)* di bawah bajet Program *Core-to-core 'Asia-Africa Science Platforms'*.



Bergambar di hadapan bangunan utama ICSWSE, Universiti Kyushu.



Bersama salah seorang penyelidik dari Filipina semasa kerja penentuan penerima MAGDAS.



Bergambar kenangan di hadapan makmal Sasaguri, Kyushu, Jepun.



Sayonara kudasai Japan!